

0708

UB367 A A B  
MAHATHIR -MIC

KUALA LUMPUR, 7 OKT (BERNAMA) -- KERAJAAN DAN UMNO TIDAK TERLIBAT DENGAN PEMILIHAN PRESIDEN MIC TETAPI TIDAK DAPAT BERBUAT APA-APA JIKA NAMANYA DIKAITKAN DALAM KEMPENBERKENAAN, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

BELIAU BERKATA, SESUATU KENYATAAN KERAJAAN MUNGKIN KADANGKALA DIGUNAKAN DALAM KEMPEN ITU UNTUK MENUNJUKKAN SEOLAH-OLAH IA MERUPAKAN-KEJAYAN +UNTUK PIHAK ITU ATAU PIHAK INI+.

+UMPAMANYA KERAJAAN AKAN MEMBERS SEDIKIT BANTUAN KEPADA KOLEJ YANG AKAN DIDIRIKAN OLEH MIC DI SEREMBAN. INI ADALAH BANTUAN BIASA YANG KERAJAAN LULUSKAN, + KATANYA PADAPERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO DI SINI.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BANTUAN ITU TIDAK ADA KENA MENGENA DENGAN PEMILIHAN PRESIDEN MIC, YANG AKAN BERLANGSUNG 15 OKT INI.

KETIKA DITANYA SAMA ADA BELIAU MAHU MEMINTA PARA PEMIMPIN MIC BERHENTI DARIPADA MENGAITKAN NAMA KERAJAAN DAN UMNO DENGAN KEMPEN PEMILIHAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, BERKATA PERKARA SERUPA ITU BERLAKU JUGA DALAM UMNO. -- LAGI  
1626MST 07 10 89

0709

U B368 A A B  
MAHATHIR - MIC 2 KUALA LUMPUR

+SAYA NAK SURUH DIA BERHENTIPUN... DALAM UMNOPUN KALAU ADA PEMILIHAN, MACAM ITU JUGA... MACAMMANAKITA HENDAK SURUH ORANG LAIN?+ KATANYA.

MENURUTNYA, PERKARA ITU SUKAR DIATASI KERANA DALAM PILIHAN RAYAPUN, NAMA BELIAU SERING DIKAITKAN.

+MACAM MANASAYA NAK TAHAN?+ KATANYA.

MENGENAI MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, IA HANYA MEMBINCANGKAN SOAL DALAMAN PART1 TANPA MELIBATKAN +ORANG LAIN+.

ANTARA PERKARA DIBINCANGKAN IALAH PEMILIHAN SEMULADIBEBERAPA BAHAGIAN UMNO YANG TERPAKSA DIADAKAN BERIKUTAN MASALAH +MUFLIS+ DI KALANGAN PEMEGANG JAWATAN.

KATANYA, MAJLIS TERTINGGI BERSETUJU MEMBENARKAN BAHAGIAN-BAHAGIAN TERLIBAT MENGHANTAR NOTIS JANGKA PENDEK UNTUK MENGADAKAN PEMILIHAN SEMULA ITU SEBELUM PERHIMPUNAN AGUNG UMNO YANG BERMULA 16 NOV INI. -- LAGI

1628MST 07 10 89

0715

U. 8371 AAB  
MAHATHIR - MIC 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO BELIAU BERKATA, SEPERTI BIASA PERKARA YANG AKAN DIBERIKAN TUMPUAN IALAH MASALAH EKONOMI ORANG MELAYU.

KETIKA DITANYA SAMA ADA PERHIMPUNAN AGUNG ITU AKAN MEMINDA PERLEMBAGAAN UMNO SUPAYA JAWATAN KETUA PERGERAKAN PEMUDA DAN PERGERAKAN WANITA UMNO DIPILIH DAN TIDAK LAGI DILANTIK SEPERTI SEKARANG BELIAU BERKATA, SETAKAT INI TIDAK ADA CADANGAN UNTUK BERBUAT DEMIKIAN.

BELIAU MENEGASKAN PERLEMBAGAAN UMNO SEKARANG ADALAH SATU-SATUNYA PERLEMBAGAAN PART1 ITU.

KETIKA MENJAWAB SOALANSAMA ADA UMNO BERCADANG MENGGUNAKAN SEMULA PERLEMBAGAAN YANG DIGUBAL PADA TAHUN 1946 BELIAU BERKATA, PERLEMBAGAAN ITU TIDAK BOLEH DIGUNAKAN LAGI KERANA PERLEMBAGAAN ITUPUN SUDAH DIPINDA LEBIH 10 KALI.

+PADA KITA, PERLEMBAGAAN YANG ADA SEKARANG MEMANG PERLEMBAGAAN UMNO SETELAH DISESUAIKAN DENGAN KEADAAN SEMASA, + KATANYA. -- BERNAMA  
1643MST 07 10 89